

WorkFlow Bila Cari Kerja

WORK FLOW, atau pun proses, atau pun peringkat untuk anda cari kerja, bukan nya bermula dengan buat resume dan hantar sahaja tau.

Sebaliknya, dalam [Panduan Temuduga](#) saya, anda 6 Peringkat yang anda patut ketahui...

6 Peringkat TerSebut Ialah..

Peringkat 1 – Penyediaan Resume

Macam biasa, untuk peringkat pertama, kita akan belajar cara buat resume dengan betul. 2 faktor penting yang kita akan belajar nanti. 1, mesti buat resume yang cantik cantik. Kedua, apa yang kita tulis tu mesti compelling. AYAT MESTI POWER..

[Klik Sini untuk overview Peringkat 1](#)

Peringkat 2 – Cara Apply Kerja

Ok, in my arsenal. Saya ada 10 cara untuk cari kerja. (mungkin lebih sebb saya akan tambah nanti). Tak termasuk lagi dengan cara online dan juga cara fizikal. Saya rangkum kan dalam satu post. Dan anda boleh follow flow yang saya buat satu per satu...

[Klik Sini untuk overview Peringkat 2](#)

Peringkat 3 – Follow up (Resume) untuk dapat Temuduga

Alright, resume cantik dah siap. Apply kerja pun dah buat. Tapi tiba tiba krik krik pula. So saya akan ajar cara nak

follow up...

[Klik Sini untuk overview Peringkat 3](#)

Peringkat 4 – Persediaan Temuduga + Quiz

Yang ini bahagian paling panjang. Saya akan kongsi banyak benda juga di sini. Dan juga Quiz. Kiranya ada juga soalan soalan bocor yang mungkin di tanya...

[Klik Sini untuk overview Peringkat 4](#)

Peringkat 5 – Di Hari Temuduga

Yang ini saya kongsi pengalaman saya sendiri. Dari pagi hari nak temuduga tu, sampai anda duduk di depan orang yang nak menemuduga tu. Saya akan kongsi, apa anda patut buat...

[Klik Sini untuk overview Peringkat 5](#)

Peringkat 6 – Follow up (Temuduga) untuk dapat Kerja

Tadi kita belajar follow up resume yang di hantar, tapi sekarang saya akan kongsi cara follow up badan kita pula yang dah pergi temuduga. Apa cerita kan. Saya akan kongsi cara terbaik yang saya sendiri buat.

[Klik Sini untuk overview Peringkat 6](#)

SAYA BUKAN NIAT NAK BERFALSAFAH SEBAB KONGSIKAN 6 PERINGKAT INI TAU..

Jauh lagi lah, kalau nak menyusahkan adik adik, kanak kanak riang yang baru nak terjun dalam bidang kerjaya ni.

Tapi, cuba fikir sendiri... Bila CHRISTIANO RONALDO Bin Syed Shaffizan main bola, apa yang paling penting? mesti lah nak dapatkan GOAL.. Tapi untuk apa yang perlu dia buat supaya dapat GOALLL ?

Sudah pasti disebabkan, latihan dan training... Goal, adalah result yang dia dapat. Training adalah pemankin kepada result yang dia nak capai...

Kalau Christiano Ronaldo, tak training, confirm tak boleh buat GOAL

Serupa juga macam anda, Dapat kerja adalah result yang kita nak capai. Dan training kita adalah mesti **mahir dengan teknik untuk dapat kerja ni.**

Dan kebanyakan kita, pasti akan fikir, 2 teknik ini sahaja yang perlu untuk dapat kerja. T000TT. Salah...

1. belajar cara buat resume dengan betul
2. belajar untuk cara jawab temuduga dengan betul

2 2 ni adalah focus yang saya duk renung gila gila dalam **6 Peringkat Panduan Temuduga** saya..

Saya pernah ada orang email bagi tahu, pergi interview dah berkali kali. tapi tak lepas lepas.

Dekat sini, apa yang saya boleh nampak dalam 6 peringkat yang saya buat tu.. Dia tu mahir dan jelas untuk peringkat 1 hingga 3 sahaja. 4 dan 5 failed..

So, masih lagi berkenaan dengan 6 peringkat yang saya bagi tahu atas tu. Baca lah kalau rajin ya...